


# LAPORAN TAHUNAN 2014

# KOMPLEKS SUKAN NEGAR




BUKIT JALIL
SARAWAK
ALAM
SONIC)
JALAN DUTA

# KANDUNGAN


**PERUTUSAN PENGERUSI** 5
**PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** 8
**LATAR BELAKANG** 9

- LATAR BELAKANG PENUBUHAN PSM 13
- AKTA PSM 2010 (AKTA 717) 17
    - OBJEKTIF
    - FUNGSI
    - KUASA
- LOGO 22
- VISI 24
- MISI 24
- POLISI KUALITI 24
- OBJEKTIF KUALITI 25
- PIAGAM PELANGGAN 26

**MAKLUMAT KORPORAT** 29

- KEANGGOTAAN PERBADANAN 29
    - PENGERUSI
    - AHLI LEMBAGA
- JAWATANKUASA KERJA 34
- MESYUARAT LEMBAGA & MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA 35
- KUMPULAN PENGURUSAN 38
- STRUKTUR ORGANISASI DAN CARTA ORGANISASI 41

**LAPORAN PRESTASI** 45

- CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA 45
- PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUALITI 56
- UNIT INTEGRITI 58
- SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT 65
- KOMUNIKASI KORPORAT 67
- PEMASARAN DAN PENGURUSAN ACARA 73
- PEMBANGUNAN PERNIAGAAN 91

**LAPORAN KE ATAS BANTUAN KERAJAAN** 95

- PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE SEPULUH (RMK10) 98
- PROJEK DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN 100
- PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN STADIUM 105
- PENYELENGGARAAN PERKHIDMATAN TETAP 105
- PENYELENGGARAAN PERMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN 106
- PERANCANGAN MASA HADAPAN 107

**ANALISA PRESTASI KEWANGAN** 111

- SUMBANGAN KERAJAAN 111
- PENDAPATAN SEWAAN 112
- PENDAPATAN PSM 113
- PENYATA AKAUN UNTUNG RUGI PSM 114
- LAPORAN PEROLEHAN 116
- LAPORAN KAWALAN KREDIT 119

**AKTIVITI-AKTIVITI PSM SEPANJANG TAHUN 2014** 123

**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2014** 137

- SIJIL KETUA AUDIT NEGARA 137
- PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH 139
- PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN STADIUM MALAYSIA 140
- LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014 141
- PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 142
- PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014 143
- PENYATA ALIRAN WANG TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 144
- NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 145

**ALAMAT & DIREKTORI PSM DAN CAWANGAN** 158

# PERUTUSAN PENGERUSI



Bismillahirrahmanirrahim..

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Buku Laporan Tahunan PSM 2014 dapat dibentangkan. Syabas dan terima kasih juga diucapkan kepada Pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) atas usaha menerbitkan buku laporan ini dan seterusnya dapat memberikan gambaran kepada umum terutamanya kumpulan sasar berhubung dengan peranan dan aktiviti yang dilaksanakan.

PSM terus giat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mengurus dan menyelenggara enam (6) buah **Kompleks sukan utama iaitu Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara,**

**Kompleks Sukan Negara Shah Alam (Panasonic), Kompleks Sukan Negara Jalan Duta, Kompleks Sukan Negara Kuching dan Kompleks Sukan Negara Kampung Pandan** demi memastikan kesemua kompleks sukan ini sentiasa mematuhi piawaian Pertubuhan Sukan Antarabangsa dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Sejumlah peruntukan juga telah dibelanjakan bagi tujuan mengurus kerja-kerja menaiktaraf *venue* antaranya Membaik-pulih Bumbung di Stadium Putra, Mengganti *Turf* Di Kompleks Sukan Negara Jalan Duta, Mengganti Trek Di Kompleks Sukan Negara Shah Alam, Penukaran Bumbung *Membrane* Dan Membaik-pulih Struktur Bangunan Di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil dan Kerja-kerja Menggantikan Rumput Padang Di Kompleks Sukan Negara Shah Alam kepada jenis rumput tiruan (*artificial grass*).

Pada tahun 2014, PSM telah menerima sumbangan kerajaan sebanyak RM34,666,800 berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM42,500,000. Walaupun jumlah peruntukan yang diterima berkurangan daripada tahun sebelumnya, PSM telah melaksanakan beberapa langkah penjimatan dengan mengawal aliran wang selaras dengan Belanjawan Negara yang berteraskan perbelanjaan berhemah. PSM juga sentiasa peka dalam memastikan pengurusan kewangan berjalan lancar kerana ianya secara tidak langsung memberi kesan kepada pengurusan *venue* yang dijalankan.

Merujuk kepada hasil pendapatan PSM, tahun 2014 telah mencatatkan penurunan sebanyak RM11,592,630 berbanding RM13,891,837 pada tahun 2013. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penutupan beberapa *venue* bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Keseluruhan pendapatan PSM selepas cukai pada tahun 2014 adalah sebanyak RM5,929,094 berbanding lebihan pendapatan sebanyak RM20,003,906 pada 2013. Oleh yang demikian, PSM melihat akan perlunya penambahan venue di dalam Kompleks Sukan Negara dalam usaha menjana pendapatan yang lebih kepada PSM. Atas inisiatif ini, pihak Kerajaan Pusat bersama Kementerian Belia dan Sukan telah membuat perancangan untuk membangunkan Bandar Sukan (*Sport City*) di Bukit Jalil. Projek ini mampu menjadikan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil sebagai hub *venue* sukan dan juga pusat komersil dan sekaligus dapat menjana lebihan pendapatan kepada PSM.

Sejajar dengan Pembangunan *Sport City* di Kompleks Sukan Negara, saya juga berharap pihak pengurusan dan warga kerja PSM dapat meningkatkan lagi mutu kerja di samping meneruskan budaya kerja yang lebih komited, adil, cekap dan amanah.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah memberikan kepercayaan kepada saya dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk bersama-sama memastikan Kompleks Sukan Negara sentiasa cemerlang dan terus menjadi *venue* sukan yang terbaik di Malaysia. Terima kasih juga kepada pihak pengurusan dan seluruh kakitangan PSM atas usaha dan komitmen yang telah diberikan sepanjang tahun 2014. Semoga PSM terus cemerlang dan sentiasa bersedia untuk menghadapi segala cabaran pada masa-masa mendatang.

Sekian, terima kasih.



**DATO' ROZABIL ABDUL RAHMAN**

**Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia**

# PERUTUSAN
## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1 Malaysia,

Syukur kehadrat Allah S.W.T serta mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) kerana terus komited melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan demi kemajuan dan kecemerlangan PSM. Kita imbas sejenak bagi menilai pencapaian PSM disamping mengenalpasti kekuatan, kekurangan atau kelebihan sepanjang tahun 2014 kerana ia amat penting dalam usaha untuk merangka langkah-langkah penambahbaikan bagi memperolehi pencapaian semasa dan tahun-tahun mendatang. Pelbagai pendekatan dan aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun ini bagi mempertingkatkan penggunaan dan hasil Perbadanan. 2014 telah mencatatkan sebanyak 4,435 acara telah berlangsung dan acara bukan sukan merupakan penyumbang kutipan hasil yang tertinggi iaitu sebanyak RM3,788,090.00. Walau bagaimanapun pendapatan keseluruhan PSM tidak hanya tertumpu pada sewaan stadium sahaja malahan turut merangkumi aktiviti pembangunan perniagaan yang menyumbang hasil sebanyak RM3,301,005.30 dan sumbangan kerajaan. Walaupun penjanaan hasil menjadi aspek utama kepada PSM namun kebajikan kakitangan tidak diabaikan kerana kakitangan merupakan tunggak dalam merealisasikan setiap perancangan PSM. Demi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan, beberapa siri kursus dan seminar di dalam jabatan dan luar jabatan telah diaturkan dan sebanyak RM300,000 telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

Pada tahun 2014 juga terdapat beberapa projek dibawah peruntukan pembangunan masih diteruskan antaranya projek Membaikpulih Bumbung Di Stadium Putra Penggantian Turf di Kompleks Sukan Negara Jalan Duta, Mengganti Trek di Kompleks Sukan Negara Shah Alam (Panasonic) dan Kerja-Kerja Penukaran Bumbung Membrane dan Membaikpulih Struktur Bangunan di Pusat Akuatik Nasional. Selain itu penyelenggaraan-penyelenggaraan kecil turut dibuat secara berterusan bagi memastikan stadium-stadium yang diuruskan sentiasa boleh digunapakai.

Setahun berlalu, akhirnya 2014 melabuhkan tirainya dan bermula kembali azam dan semangat baru. Pelbagai perancangan dan persediaan telah sedia bagi membuka lembaran baru 2015 dengan iltizam yang tinggi untuk meningkatkan penjanaan hasil. PSM juga berusaha keras untuk merealisasikan impian untuk menjadikan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil sebagai sebuah 'Malaysia Sport City' yang dilengkapi dengan fasiliti bertaraf antarabangsa. PSM mengharapkan 'Malaysia Sport City' akan berfungsi sebagai hub dan tumpuan utama penganjuran acara bertaraf tempatan sehingga peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Ahli Lembaga PSM yang tidak pernah jemu membimbing dan menyumbangkan idea-idea berkualiti kepada pengurusan PSM. Seterusnya kepada Kementerian Belia dan Sukan yang memberi kepercayaan kepada saya untuk mengetuai Pengurusan PSM serta memberikan bantuan dalam mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Negara. Terima kasih juga kepada kakitangan PSM dan lain-lain pihak yang turut memberikan sokongan sepanjang pengoperasian PSM.

Sekian, terima kasih.



**HAJI AHMAD HALMI BIN HARUN**

**Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium Malaysia**





# LATAR BELAKANG

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA



# LATAR BELAKANG

## PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) atau nama asalnya Perbadanan Stadium Merdeka ditubuhkan pada 26 Disember 1963 dengan tanggungjawab utama untuk mengurus dan menyelenggara Stadium Merdeka dan Stadium Negara.

Pada tahun 1963 Parlimen telah meluluskan sebuah akta bagi maksud melicinkan pentadbiran Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Melalui AKTA PERBADANAN STADIUM MERDEKA NO.11 TAHUN 1963 (*FEDERATION OF MALAYA, ACT OF PARLIAMENT, NO.11 OF 1963, MERDEKA STADIUM CORPORATION ACT, 1963)* Perbadanan Stadium Merdeka dijadikan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Akta ini diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 1963 dan berkuat kuasa pada 26 Disember 1963. Akta PSM dibaca sebagai AKTA PSM 1963 (AKTA 433**)** setelah disemak semula pada 31

Disember 2001 dan PSM telah mengguna pakai akta ini untuk mengurus dan menyelenggara sehingga 28 Februari 2011.

Kementerian Belia dan Sukan berpendapat adalah sukar bagi PSM untuk menguruskan dan membangunkan keseluruhan kompleks sukan yang diamanahkan sekiranya akta yang diguna pakai tidak dikaji semula. Keadaan ini menjadi kekangan kepada PSM untuk menjana keuntungan dan membiayai operasi secara amnya. Cadangan pindaan akta telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Akta Perbadanan Stadium Merdeka bermula pada 21 Ogos 2007 dan disusuli dengan beberapa sesi mesyuarat yang seterusnya sehingga kata putus dicapai dan memenuhi aspek penambahbaikan akta yang lama terutama melibatkan nama Perbadanan, objektif, fungsi dan kuasa yang akan dilaksanakan.

Bermula pada tahun 2011 akta baru yang dikenali sebagai AKTA PERBADANAN STADIUM MALAYSIA 2010 (AKTA 717) telah diluluskan dan diguna pakai mulai 1 Mac 2011. Akta PSM 2010 (Akta 717) bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) untuk mengadakan peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks dan kemudahan sukan untuk membubarkan Perbadanan Stadium Merdeka dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Faktor utama penggantian akta baru ini kerana Akta PSM 1963 (Akta 433) sudah tidak relevan serta ia membatasi fungsi dan kuasa yang dilaksanakan oleh PSM malahan nama Perbadanan Stadium Merdeka menimbulkan kekeliruan dalam urusan pentadbiran.

Kejayaan Malaysia terpilih sebagai tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 pada tahun 1998 menjadi faktor pendorong PSM diberi mandat oleh Kerajaan untuk mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ) dan Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara (KSNBK) mulai 1 Julai 1998 yang terdiri dari 7 buah *venue* dan tiga buah taman rekreasi di samping mengurus Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Namun begitu mulai 1 November 1998 PSM telah berpindah ke KSNBJ dan pejabatnya ditempatkan di Aras 1, Stadium Nasional, KSNBJ. Perpindahan ini bagi memudahkan segala urusan selaras dengan perubahan

tanggungjawab PSM yang hanya bertanggungjawab untuk mengurus KSNBJ dan KSNBK selepas Stadium Merdeka dan Stadium Negara diserahkan kepada *United Engineers* (M) Bhd.

Bermula 2008, jumlah *venue* di bawah pengurusan PSM telah bertambah apabila Kerajaan telah menyerahkan Kompleks Sukan Negara Shah Alam (KSNSA) yang asalnya dikenali sebagai *Matsushita Sports Centre* di seksyen 21 Shah Alam, Selangor kepada PSM. Ini disusuli dengan penyerahan Kompleks Sukan Negara Jalan Duta (KSNJD) pada 2009, Kompleks Sukan Negara Kuching Sarawak (KSNKS) pada 2011 dan yang terkini Kompleks Sukan Negara Kg Pandan (KSNKP).

Sehingga 31 Disember 2014, PSM telah diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus Kompleks Sukan Negara seperti berikut :

**1. Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil**

i. *Venue* utama iaitu Stadium Nasional, Stadium Putra, Dewan Sri Putra, Stadium Hoki Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Pusat Skuasy Nasional;

ii. Kawasan rekreasi iaitu Taman Sukan X-*Treme* Nasional, Bukit Komanwel dan Pesisiran Sungai Kuyoh.

**2. Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara**

i. Stadium Juara

ii. Pusat Boling Padang Nasional

**3. Kompleks Sukan Negara Shah Alam (Panasonic)**

i. Kawasan *infra* yang merangkumi trek olahraga 400m; 2 padang bola sepak; 2 gelanggang tenis; 3 gelanggang sepak takraw; 2 gelanggang bola jaring; 1 gelanggang bola tampar; Kolam renang bersaiz Olimpik

ii. Kawasan Arena dengan kapasiti 1,400 tempat duduk bagi acara sukan; kapasiti 3,400 tempat duduk bagi acara bukan sukan seperti majlis perkahwinan)

**4. Kompleks Sukan Negara Jalan Duta**

i. Kompleks Tenis Jalan Duta
ii. Stadium Hoki Tun Razak
iii. Pusat Skuasy Negara
iv. Asrama

**5. Kompleks Sukan Negara Kuching, Sarawak**

i. Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching
ii. Asrama

**6. Kompleks Sukan Negara Kg. Pandan**

i. Kolam renang
ii. Asrama
iii. Lapangan memanah
iv. Dewan serbaguna
v. Gelanggang *goalball*
vi. Gelanggang badminton
vii. Gelanggang bola keranjang

PSM telah berusaha menjadikan KSN sebagai lokasi paling strategik bagi tujuan penganjuran pelbagai acara. Pelbagai penganjuran acara sukan bertaraf kebangsaan dan dunia telah berlangsung di KSN sejak tahun 1998. KSN turut terpilih sebagai penganjuran acara bukan sukan yang berprestij seperti Sambutan Hari Kemerdekaan dan lain-lain majlis penting untuk negara, konsert, pameran, majlis perkahwinan, konvensyen dan sebagainya.

# AKTA PSM 2010 (AKTA 717)

Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Stadium Malaysia, untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks sukan dan kemudahan sukan, dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya.




# OBJEKTIF PSM

SEPERTIMANA YANG TERKANDUNG DALAM BAHAGIAN II SEKSYEN 3 (4) AKTA PSM 2010 (AKTA 717) Objektif Perbadanan adalah untuk membangunkan, mengendalikan dan menguruskan stadium mengikut standard yang ditentukan oleh Perbadanan.

# FUNGSI PSM

SEPERTIMANA YANG TERKANDUNG DALAM BAHAGIAN II SEKSYEN 4 AKTA PSM 2010 (AKTA 717) FUNGSI PSM ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

(a) untuk menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyelenggara stadium;

(b) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan bagi menjamin daya maju stadium;

(c) untuk memajukan dan menambah baik stadium dan untuk menyediakan dan melengkapkan stadium dengan loji, jentera, kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan;

(d) untuk mempromosikan stadium, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sebagai suatu tempat serba guna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial dan hiburan dan acara-acara lain yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

(e) untuk membangunkan dan menyediakan di stadium apa-apa kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial yang melengkapi stadium, termasuklah tempat penginapan;

(f) untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium oleh mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, atas terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

(g) untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan

perkhidmatan lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium;

(h) untuk bekerjasama dan membuat perkiraan dengan mana-mana orang yang berminat dalam pembangunan kemudahan pendidikan, perubatan dan penyelidikan bagi sukan di stadium, dan jika sesuai, di tempat lain untuk pembangunan kemudahan sedemikian;

(i) untuk memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan

(j) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

## KUASA PSM

SEPERTIMANA YANG TERKANDUNG DALAM BAHAGIAN II SEKSYEN 5 AKTA PSM 2010 (AKTA 717) FUNGSI PSM ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

(1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau yang secara munasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan perjalanan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa

(a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti bersifat komersial, yang didapati olehnya adalah perlu, berfaedah atau sesuai

bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;

(b) untuk mengambil inisiatif dan membuat kajian mengenai kemungkinan pembangunan dan pembangunan semula stadium dan untuk mencadangkan pelan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula serta kaji selidik untuk menentukan sama ada pengusahaan dan pelaksanaan pembangunan atau pembangunan semula stadium itu boleh dilaksanakan;

(c) untuk membina apa-apa bangunan atas apa-apa harta tak alih Perbadanan dan menyediakan serta menyiapkan harta itu bagi apa-apa sukan, permainan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan yang mungkin sesuai atau mudah untuk diadakan di situ, untuk menyediakan astaka, gimnasium, ruang hidangan ringan, kedai, gerai, tandas dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan yang difikirkan patut oleh Perbadanan dan untuk menyenggarakan atau membina semula apa-apa bangunan yang terdapat di atas tanah Perbadanan;

(d) untuk mengadakan atau menggalakkan apa-apa sukan, permainan, rekreasi, kegiatan masa lapang, pameran dan perarakan, dan untuk memberikan dan menyumbang hadiah, anugerah dan kepujian;

(e) untuk mengusahakan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan aktiviti, perkhidmatan dan perkara lain yang berkaitan dengan sukan dan stadium, dan untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan itu;

(f) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing bagi maksud pembangunan

kemudahan dan perkhidmatan stadium;

(g) untuk menghubungi mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing secara langsung atau tidak langsung, bagi menggalakkan pelaburan dalam pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium;

(h) untuk berhubung dan bekerjasama dengan pihak berkuasa Negeri berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan stadium;

(i) untuk memohon bagi dan menerima pemberimilikan atau pemindahan hak milik tanah untuk pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium;

(j) untuk melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsinya;

(k) untuk mengenakan fi, kos, levi, caruman atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi memberi kuat kuasa kepada mana-mana fungsi atau kuasanya; dan

(l) untuk membuat segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

# LOGO

## LOGO YANG MENGGAMBARKAN BENTUK SEPARUH BUMBUNG STADIUM NASIONAL MENJADI SIMBOL DAN IDENTITI KSN

# MAKSUD LOGO

- TUJUH PALANG YANG MERENTANGI BUMBUNG merupakan simbolik tanda kemegahan dan keunikan KSN serta membawa makna tujuh buah *venue* yang terdapat di KSN iaitu Stadium Nasional, Stadium Putra, Stadium Hoki Nasional, Stadium Juara, Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional, Pusat Boling Padang Nasional.

- Manakala BULATAN YANG MENJADI PENYAMBUNG kepada bumbung melambangkan tiga (3) taman yang terdapat di KSN iaitu Taman Sukan X-*Treme* Nasional, Bukit Komanwel dan Pesisiran Sungai Kuyoh.

- BULATAN DAN SEPARUH BULATAN DI TENGAH-TENGAH BUMBUNG pula menggambarkan konsep bersepadu *venue* pelbagai guna.

- ‘PERBADANAN STADIUM MALAYSIA & KOMPLEKS SUKAN NEGARA’ YANG MENGELILINGI LOGO membawa erti kerjasama, kesepakatan dan keteguhan warga PSM demi memastikan *venue* ini terus unggul dan dikenali sebagai *venue* yang bertaraf dunia.

- WARNA MERAH: Melambangkan keberanian, keteguhan dan berdaya saing

- WARNA BIRU: Menggambarkan ketinggian inspirasi dan kebanggaan rakyat terhadap Kompleks Sukan Negara

- WARNA UNGU: Penyatuan kesemua warna bagi menimbulkan suasana keselesaan, penyatuan, harmoni dan seimbang.

# VISI

Meletakkan KSN sebagai satu kompleks yang terunggul di persada dunia melalui penyediaan kelengkapan terkini dan melebihi jangkaan pelanggan.

# MISI

Menyediakan kemudahan *venue* yang lengkap dan terkini, mempelbagaikan aktiviti penggunaan stadium dan mempertingkatkan pendapatan.

# POLISI KUALITI

PSM komited untuk menyediakan kemudahan *venue* pelbagai guna dan perkhidmatan berkualiti yang melebihi jangkaan pelanggan, standard dan perundangan secara guna tenaga yang optimum dan penambahbaikan yang berterusan berlandaskan objektif kualiti yang ditetapkan.

# OBJEKTIF KUALITI

| BAHAGIAN | OBJEKTIF | SASARAN |
| --- | --- | --- |
| Bahagian Pemasaran Dan Jualan | 1. Kepuasan Pelanggan | > 70% |
| | 2. Peningkatan Jumlah Pendapatan Sewaan | > 5% Setahun |
| | 3. Mencari Pelanggan Berpotensi | > 8 Pelanggan/Bulan |
| Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Acara | 1. Menganjurkan Acara Dalaman Dan Program Rekreasi | > 6 Kali Setahun |
| | 2. Mesyuarat Teknikal Bagi Setiap Acara | > 1 Mesyuarat/Acara lebih 3,000 pengunjung |
| | 3. Penyediaan Dan Edaran Senarai Semak | > 3 Hari Sebelum Hari Persiapan |
| Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan | 1. Melaksanakan Penyelenggaraan Mengikut Jadual | > 85% |
| | 2. Tempoh Tindak balas Kepada Aduan Kerosakan | < 1 Hari |
| | 3. Mesyuarat Dengan Kontraktor Tetap | > 1 kali /Bulan |
| Bahagian Pengurusan Dan Kewangan | 1. Penyediaan Bil Acara Selepas Penerimaan Laporan Lengkap | < 14 Hari |
| | 2. Proses Panggilan Sebutharga | < 7 Hari |
| | 3. Aktiviti Promosi | > 6 Kali/Tahun |
| | 4. Tempoh Maklum Balas Aduan Awam | < 3 Hari |
| | 5. Latihan | > 7 Hari/Kakitangan /Tahun |
| | 6. Penganjuran Kursus Dalaman | > 6 Kursus Dalaman/Tahun |

# PIAGAM PELANGGAN

| BIL | PIAGAM PELANGGAN | STANDARD | JUMLAH DI LAKSANA MENGIKUT STANDARD | PERATUSAN PENCAPAIAN TAHUN 2014 |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | Memastikan tahap kepuasan pelanggan selepas menggunakan sesebuah *venue* melebihi 70%. | Melebihi 70% peratus kepuasan pelanggan | 100% | Pencapaian 100% |
| **2.** | Menganjurkan acara dalaman dan program rekreasi sekurang-kurangnya 6 kali setahun. | Jumlah penganjuran acara dan rekreasi | 18 Acara | Pencapaian Melebihi 100% |
| **3.** | Memberi maklum balas dan tindakan terhadap aduan kerosakan yang berlaku di sekitar KSN dalam tempoh kurang daripada 1 hari bekerja. | Maklum balas terhadap aduan dalam tempoh 1 hari bekerja | 61 Aduan | Pencapaian 100% |
| **4.** | Melakukan aktiviti promosi sekurang-kurangnya 6 kali setahun. | Jumlah aktiviti promosi pada tahun 2011 | 10 Kali | Pencapaian 100% |
| **5.** | Memberi maklum balas terhadap aduan awam dalam tempoh kurang daripada 3 hari bekerja. | Tempoh maklum balas terhadap aduan pelanggan 2011 | 15 Aduan | Pencapaian 100% |



# MAKLUMAT KORPORAT

## PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

# MAKLUMAT KORPORAT

## KEANGGOTAAN PERBADANAN

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga PSM adalah berdasarkan seperti mana yang terkandung dalam Bahagian II Seksyen 6, Akta PSM 2010 (Akta 717). Pelantikan dibuat oleh YB Menteri Belia dan Sukan bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

Keanggotaan Ahli Lembaga PSM bagi tempoh 21 MAC 2013 hingga 20 MAC 2015 adalah seperti berikut:-



**PENGERUSI PSM**

**YBHG DATO' ROZABIL BIN ABDUL RAHMAN**

**WAKIL KORPORAT**

**PENGERUSI DILANTIK OLEH YB MENTERI BELIA DAN SUKAN DARIPADA KALANGAN AHLI LEMBAGA**



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PSM**

**TUAN HAJI AHMAD HALMI BIN HARUN**

**WAKIL PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)**

**ANGGOTA YANG DILANTIK DI BAWAH KUOTA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**



WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

YBHG DATO' AZHAR BIN MOHAMED ISA

WAKIL KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

YBHG DATUK BORHAN BIN DOLAH

WAKIL JABATAN PERDANA MENTERI



WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

ENCIK CHOU AI HONG

WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)

AHLI GANTI: ENCIK FAUZI BIN SUNGIP

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN



TUAN IR. OTHMAN BIN NORDIN

WAKIL JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN



YBHG DATO' HAJI AB JALIL BIN ABDULLAH

WAKIL MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA (MSN)

WAKIL ORGANISASI SUKAN



YH DATO' HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN

WAKIL PERSATUAN BOLA SEPAK MALAYSIA (FAM)



## WAKIL ORGANISASI SUKAN

YBHG DATO' PAIMAN BIN ABDUL KARIM

WAKIL KESATUAN OLAHRAGA MALAYISA (KOM)



## WAKIL ORGANISASI SUKAN

YBHG DATO' MOHD JOHARI BIN ABDUL AZIZ

WAKIL KONFEDERASI HOKI MALAYSIA (KHM)



## WAKIL KORPORAT

YBHG DATUK RIZALMAN BIN DATO' MOKHTAR



## WAKIL KORPORAT

### RUBEN EMIR GNANALINGAM



## WAKIL KORPORAT

### ENCIK JASON JONATHAN LO



## WAKIL KORPORAT

### ENCIK SIVARAJ A/L CHANDRAN

Bahagian II Seksyen 15 (1) hingga (3), Akta PSM 2010 (Akta 717) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta. Perbadanan boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan dan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota jawatankuasa yang ditubuhkan. Jawatankuasa kerja yang ditubuhkan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:-

a. Lembaga Perolehan A
b. Lembaga Perolehan B
c. Panel Pengurusan Sumber Manusia
d. Jawatankuasa Perkhidmatan
e. Lembaga Kenaikan Pangkat
f. Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat
g. Lembaga Tatatertib
h. Lembaga Rayuan Tatatertib
i. Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan

## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bahagian II Seksyen 15 (5) Akta PSM 2010 (Akta 717) Menjelaskan bahawa Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa itu.

# MESYUARAT LEMBAGA

Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 1998 bertarikh 21 Julai 1998: Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan telah memperuntukkan dalam perkara 6.3 perihal mengenai Mesyuarat Lembaga yang perlu dipatuhi. Perkara 6.3.1 antaranya menjelaskan bahawa Ketua Eksekutif bertanggungjawab melaksanakan peraturan mesyuarat lembaga seperti berikut:

a. Merancang jadual mesyuarat bagi tempoh yang tertentu bagi memenuhi keperluan amalan pengurusan yang baik dan peruntukan Akta penubuhan Badan Berkanun berkenaan.

b. Mengadakan Mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan.

c. Menyediakan notis mesyuarat selewat-lewatnya dalam masa tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

d. Menyediakan agenda dan mengedarkan bagi setiap Mesyuarat Lembaga selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

e. Mengedarkan kertas kerja kepada Ahli Lembaga Pengarah selewat-lewatnya dalam masa tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

Sepanjang tahun 2014, PSM telah mengaturkan empat (4) kali **Mesyuarat Lembaga** PSM seperti ketetapan berikut:-

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **BIL 1/2014** | 2 April 2014 (Rabu) | 9.30 pagi | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **BIL 2/2014** | 9 Julai 2014 (Rabu) | 3.00 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **BIL 3/2014** | 30 Oktober 2014 (Khamis) | 9.30 pagi | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **BIL 4/2014** | 15 Disember 2014 (Isnin) | 9.30 pagi | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |

## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

Sepanjang tahun 2014 seperti ketetapan berikut:-

## MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN A

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **BIL 1/2014** | 16 Oktober 2014 (Khamis) | 2.30 petang | Bilik KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |

## MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN B

| PERKARA | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **BIL 1/2014** | 4 April 2014 (Jumaat) | 4.30 petang | Bilik KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |
| **BIL 2/2014** | 11 April 2014 (Jumaat) | 4.00 petang | Bilik KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |
| **BIL 3/2014** | 27 Ogos 2014 (Rabu) | 4.30 petang | Bilik KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |
| **BIL 4/2014** | 28 Ogos 2014 (Khamis) | 12.00 tgh hari | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL 5/2014** | 8 Oktober 2014 (Rabu) | 4.30 petang | Bilik KSU - Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya |

## MESYUARAT PANEL PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

| BIL | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **1** | 11 Februari 2014 (Selasa) | 2.30 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |

## MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN

| BIL | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **1** | 11 Februari 2014 (Selasa) | 3.00 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **2** | 28 Mac 2014 (Jumaat) | 5.30 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **3** | 28 Oktober 2014 (Selasa) | 2.30 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |

## MESYUARAT LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

| BIL | TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| **1** | 11 Februari 2014 (Selasa) | 4.00 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |
| **2** | 28 Oktober 2014 (Selasa) | 3.00 petang | Bilik Komanwel - Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil |




## KUMPULAN PENGURUSAN

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif PSM adalah seperti mana yang terkandung dalam Bahagian III Seksyen 16, Akta PSM 2010 (Akta 717) yang menyebut Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan. Kumpulan Pengurusan PSM terdiri dari Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh dua (2) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan lima (5) orang Ketua Bahagian.

**PENGURUS KEWANGAN DAN AKAUN**

PUAN SHARIFAH SAHANA FIFDZIE BINTI SYED ALI HASSAN

**PENGURUS KHIDMAT PENGURUSAN**

PUAN MIRDAYU BINTI ROHMAT

**KETUA PEGAWAI OPERASI PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**

ENCIK KHAIRUL AZHAR BIN SARDAR MOHAMAD

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF I**

ENCIK MOHD ZULQURNAIN BIN HAJI MUHAMMAD



**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF II**

ENCIK NOOR MOHD FIRDAUS BIN ABU BAKAR

**PENGURUS PERHUBUNGAN KORPORAT**

PUAN NORIZA BINTI MD. ALI

**KETUA PEGAWAI OPERASI HARTA, KEMUDAHAN DAN KEJURUTERAAN**

ENCIK MOHAMAD SAPUAN BIN MAT

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

TUAN HAJI AHMAD HALMI BIN HARUN



# STRUKTUR ORGANISASI




Struktur organisasi PSM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan disokong oleh 6 bahagian utama iaitu:-

a. Bahagian  Pemasaran dan Pengurusan Acara
b. Bahagian Kemudahan, Harta dan Kejuruteraan
c. Bahagian Pembangunan Perniagaan
d. Bahagian Khidmat Pengurusan
e. Bahagian Kewangan dan Akaun
f. Bahagian Perhubungan Korporat

Setiap bahagian merupakan tunjang yang penting bagi menerajui kelicinan pengurusan mentadbir, memasarkan dan menyelenggarakan untuk mengekalkan semua kompleks di bawah PSM terus unggul sebagai *venue* pilihan utama bagi penganjuran pelbagai acara.




MENTERIAN BELIA DAN SUKAN
AHLI LEMBAGA PSM
ETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE)
UNIT INTEGRITI
AWAI
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF II (TKPE II)
PERASI
ARAN
ACARA
KETUA PEGAWAI OPERASI BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
KETUA PEGAWAI OPERASI BAHAGIAN HARTA, KEMUDAHAN DAN KEJURUTERAAN
PENGURUS BAHAGIAN PERHUBUNGAN KORPORAT
CAWANGAN STRATEGIK DAN INOVASI PERNIAGAAN
CAWANGAN HARTA DAN KEMUDAHAN
CAWANGAN KOMUNIKASI
CAWANGAN DASAR DAN KOORDINASI PERNIAGAAN
CAWANGAN KEJURUTERAAN
CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
CAWANGAN JARINGAN DAN HUBUNGAN PERNIAGAAN
IGAN KSN SHAH (PANASONIC)
CAWANGAN KSN JALAN DUTA
CAWANGAN KSN BUKIT KIARA
CAWANGAN KSN KG PANDAN



# LAPORAN PRESTASI & PENCAPAIAN 2014

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA • KOMPLEKS SUKAN NEGARA •

# CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## MAKLUMAT PERJAWATAN

Bilangan keseluruhan anggota PSM pada tahun 2014 serta perbandingan dua tahun sebelum adalah seperti jadual berikut :

**Perbandingan Jumlah Kakitangan**

**Mengikut Taraf Lantikan bagi Tahun 2012 – 2014**



**Perbandingan Jumlah Kakitangan**

**Mengikut Klasifikasi Perkhidmatan bagi Tahun 2012 - 2014**




| KUMPULAN PERKHIDMATAN | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|
| **Pengurusan dan Profesional** | 5 | 6 | **8** |
| **Kumpulan Pelaksana** | 102 | 117 | **123** |
| Jumlah | 107 | 123 | 131 |

**Perbandingan Jumlah Kakitangan**

**Mengikut Bahagian bagi Tahun 2012 – 2013**



Bermula 2014, penyusunan semula struktur bahagian melibatkan perubahan nama bahagian, pewujudan bahagian baru dan fungsi bahagian.

| BAHAGIAN | BIL |
|---|---|
| Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif | 3 |
| Khidmat Pengurusan | 24 |
| Kewangan dan Akaun | 13 |
| Pembangunan Perniagaan | 9 |
| Pemasaran dan Pengurusan Acara | 17 |
| Harta, Kemudahan dan Kejuruteraan | 54 |
| Perhubungan Korporat | 11 |
| **Jumlah** | **131** |

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014 dari pelbagai kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut :

**Senarai Penerima**

**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014**

| BIL | NAMA | KUMPULAN PERKHIDMATAN | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | Encik Mohamad Sapuan bin Mat | P & P | Harta, Kemudahan dan Kejuruteraan |
| **2.** | Puan Sharifah Sahana Fifdzie binti Syed Ali Hassan | P & P | Kewangan dan Akaun |
| **3.** | Encik Muhammad Syuhaimi bin Mat Yamin | Pelaksana | Perhubungan Korporat |
| **4.** | Encik Mohd Nadzri bin Abd Wahab | Pelaksana | Pemasaran dan Pengurusan Acara |
| **5.** | Puan Dayangku Rohani binti Awangku Mumin | Pelaksana | Pembangunan Perniagaan |
| **6.** | Encik Ezry Syazwan bin Mohamad | Pelaksana | Perhubungan Korporat |
| **7.** | Encik Ramadass A/L Subramaniam | Pelaksana | Harta, Kemudahan dan Kejuruteraan |
| **8.** | Cik Noor Aznita binti Mohammad Azmi | Pelaksana | KSN Kg Pandan |
| **9.** | Encik Prakash A/L Govindarajoo | Pelaksana | KSN Jalan Duta |
| **10** | Encik Mohd Firdaus bin Abu Hassan | Pelaksana | Khidmat Pengurusan |

# PEPERIKSAAN

Sepanjang tahun 2014, maklumat peperiksaan yang telah dihadiri oleh kakitangan yang berkelayakan adalah seperti berikut:-

| BIL | NAMA PEPERIKSAAN | GRED | CALON MENDUDUKI |
|---|---|---|---|
| **1.** | Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) Tahun 2014 | W17 | 2 |
| **2.** | Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41 (KPSL) | N27 | 1 |
| **3.** | Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (KPSL) | N17<br>W17 | 9 |
| **4.** | Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 | N17 | 10 |
| **5.** | Ujian Menaip (Kederasan 18 P.S.M) | N17<br>W17 | 12 |
| **6.** | Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 | W17 | 2 |
| **7.** | Peperiksaan Undang-Undang Kerajaan | N27<br>W27<br>J29 | 8 |

# KURSUS DAN LATIHAN

Pada tahun 2014, PSM telah melaksanakan rancangan pembangunan sumber manusia dengan lebih agresif. Sebanyak 83 kursus telah diadakan sepanjang tahun 2014. Jumlah kursus berkenaan merangkumi kursus jangka pendek dikendalikan oleh PSM dengan menggunakan tenaga pakar dalaman dan luar organisasi melibatkan keseluruhan kakitangan dan tidak terkecuali kursus yang dianjurkan pihak luar.

**SENARAI KURSUS ANJURAN PSM**

| TARIKH | KURSUS |
|---|---|
| 15 Jan 2014 | Kursus Elektrikal |
| 16 Jan 2014 | Kursus Fire Fighting |
| 20 Jan 2014 | Kursus Cold Water & Sanitary Plumbing |
| 21 Jan 2014 | Kursus Air Conditioning & Ventilation System |
| 23 Jan 2014 | Kursus Lift System |
| 24-26 Jan 2014 | Bengkel Bajet 2015 |
| 24 Jan 2014 | Kursus Sport Equipment |
| 27 Jan 2014 | Kursus Kitchen Equipment |
| 24-25 Feb 2014 | Kursus Asas Simpan Kira & Perakaunan |
| 25 Feb 2014 | Seminar Keselamatan Kebakaran |
| 23 Mac 2014 | Latihan Menembak |
| 11-13 Apr 2014 | Bengkel Hasil PSM |
| 14-15 Apr 2014 | Seminar Keselamatan Acara |
| 21-28 Mei 2014 | Kursus Penilaian SAGA |
| 9 Jun 2014 | Seminar GST |
| 11 Jul 2014 | Bengkel Pembentangan Dokumen Tender |
| 19 Ogos 2014 | Latihan Pengunaan Sistem MyMesyuarat |

| | |
|---|---|
| 20 Ogos 2014 | Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 5-7 Sept 2014 | Ultimated Teambuilding |
| 24-26 Sept 2014 | "Conference Program Singapore Sport Hub Pada 24-26 September 2014" Program Jaringan Perniagaan Perbadanan Stadium Malaysia |
| 25 Sept 2014 | Kursus Keselamatan ICT |
| 29 Sept 2014 | Perbincangan Dan Penerangan Mengenai Sistem Percukaian GST |
| 1-2 Okt 2014 | Kursus Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) PSM |
| 11 Dis 2014 | Latihan Penggunaan Alat<br>Bantuan Awalan Kecemasan (Heartsine Samaritan Pad) |
| 14 - 16 Dis 2014 | Kursus Transformasi Perkhidmatan Awam |
| 16 Dis 2014 | Sambutan Hari Inovasi<br>Peringkat Kementerian Belia Dan Sukan Tahun 2014 |
| 17 - 19 Dis 2014 | Kursus Pengurusan Aset Kerajaan Mengikut Pekeliling KP 1.1 / 2013 |

| *TARIKH* | KURSUS |
|---|---|
| ***18 - 19 Dis 2014*** | Persidangan KebangsaanAnggota Badan Berkanun<br>"Cabaran Dan Masa Depan Agensi Badan Berkanun" |
| ***22 Dis 2014*** | Bengkel Cukai Barang Dan Perkhidmatan - Goods And Services Tax (GST) Untuk Agensi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) |
| ***22 Dis 2014*** | Seminar Corporate Intergrity Pledge : "From Pledges To Compliance" |
| ***22 Dis 2014*** | Kursus Pengurusan Rumput (Padang) |

## SENARAI KURSUS ANJURAN LAIN-LAIN AGENSI

| TARIKH | KURSUS | PENGANJUR |
|---|---|---|
| 8-9 Jan 2014 | Kursus HRMIS | KBS |
| 11 Feb 2014 | Seminar Pentadbiran Sains Sukan | ISN |
| 26-28 Feb 2014 | Kursus Peningkatan Profesionalisme | Pej. Perhubungan Parlimen |
| 26-28 Feb 2014 | Kursus Peralatan & Sistem CCTV,<br>PA System, Telefon, AV System, Access Card, | SPA Integrated |

| | | |
|---|---|---|
| | Boom Gate, ICT & Wifi | |
| 5-6 Mac 2014 | Bengkel Logical Framework Approach 2014 | JPM |
| 7 Mac 2014 | Kempen Kesihatan Wanita | PUSPANITA |
| 25 Mac 2014 | Seminar LHDNM-MEF | LHDN |
| 26-28 Mac 2014 | Kursus Negotiation And Counter Negotiation | KBS |
| 1-3 Apr 2014 | Kursus Pengurusan Perolehan Kerja | IPN |
| 2-3 Apr 2014 | Kursus Autocard | IT |
| 16 Apr 2014 | Impact Business Solution Day | IT |
| 22-24 Apr 2014 | Persidangan Pengguna SAGA 2014 | ANM |
| 28-30 Apr 2014 | Kursus Kecemerlangan Setiausaha Pejabat | KBS |
| 5-6 Mei 2014 | Kursus Rekabentuk Grafik dan Penyuntingan Video | MSN |
| 14-15 Mei 2014 | Bengkel Pelaksanaan IPv6 Sektor Awam dan Kursus DNS | MAMPU |
| 15 Mei 2014 | Seminar Solar Kebangsaan | Suruhanjaya Tenaga |
| 8-20 Jun 2014 | Program Pelayaran KLD Tunas Samudera | KBS |

| ***TARIKH*** | **KURSUS** | **PENGANJUR** |
|---|---|---|
| ***10-11 Jun 2014*** | Kursus Asas Fotografi | MSN |
| ***10-12 Jun 2014*** | Bengkel Pengemaskini Dasar-Dasar ICT KBS/DRB | KBS |
| ***10-12 Jun 2014*** | Kursus Pemantapan Pengurusan Tatatertib | KBS |
| ***11-13 Jun 2014*** | Kursus Penyediaan Kit Penajaan | KBS |
| ***11-15 Jun 2014*** | Kursus Program Transformasi Minda | KBS |
| ***18-19 Jun 2014*** | *Lab* Transformasi Perkhidmatan Awam | KBS |
| ***19 Jun 2014*** | Seminar Kesedaran & Latihan GST kepada Pengguna 2014 | IYC |

| | | |
|---|---|---|
| ***23 Jun 2014*** | Pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam | MyCC |
| ***26 Jun 2014*** | Bengkel *Post-Mortem* FBN 2014 | KBS |
| ***10 Jul 2014*** | Seminar Cakna Kesihatan Mental | KBS |
| ***11 Jul 2014*** | Bengkel Pemurnian Hasil *Lab* Transformasi Perkhidmatan Awam | KBS |
| ***11 Jul 2014*** | *HR Preview Pre and Post Evalution Test* | Boostson.com |
| ***19 Jul 2014*** | Persidangan Meja Bulat : Isu Bantuan Rakyat 1 Malaysia | IYC |
| ***21-24 Jul 2014*** | Bengkel Pengacaraan | KBS |
| ***26-28 Ogos 2014*** | Kursus Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam | IPN |
| ***11 Sept 2014*** | Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) | KBS |
| ***15 Sep 2014*** | Program Run4Unity | KBS |
| ***17 Sept 2014*** | Kursus Pemantapan jati diri Pengurusan Aduan Agensi KBS 2014 | KBS |
| ***23-24 Sept 2014*** | Program Karnival 1 Pesara | JPA |
| ***30 Sept 2014*** | Jemputan Ke Program *Hrmis User Group Summit* 2014 (Hugs 2014) | KBS |
| ***26-30 Oktober 2014*** | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Kerajaan | IPN |
| ***27-29 Oktober 2014*** | *Workshop On Etiquette, Protocol And Event Management* | KBS |

| TARIKH | KURSUS | PENGANJUR |
|---|---|---|
| 27 Okt - 1 Nov 2014 | Kursus Kejurulatihan Belia | KBS |
| 4 Nov 2014 | Kursus Pengurusan Projek | KBS |
| 6 Nov 2014 | Taklimat Isu Semasa Kementerian Belia Dan Sukan | KBS |
| 7 Nov 2014 | Program *TownHall* Maklum Balas Pasca Bajet Bersama Pemain Industri / Kumpulan Sasar | KBS |
| 9 Nov 2014 | Karnival *Genexter* 2014 | KBS |
| 9 Nov 2014 | Jemputan Menyampaikan Ceramah Dan Perkongsian Maklumat Sempena Kursus Kepegawaian Belia Dan Sukan 2014 | KBS |
| 12 Nov 2014 | Bengkel Penggunaan *Creativity Index* (CI) Sebagai Komponen Baharu Dalam Permohonan Program Dan Projek Pembangunan Di Bawah RMKe11 | KBS |
| 19 Nov 2014 | Bengkel Keusahawanan *Coaching Clinic* | KBS |
| 24 - 26 Nov 2014 | Kursus MY6 *Certificated* IPv6 Profesional (MCIP) Siri 2 | KBS |
| 30 Nov 2014 | Batik Fun Walk 2014 | KBS |
| 2 - 3 Dis 2014 | Program Kendiri Unggul Akrab KBS Tahun 2014 | KBS |
| 4-5 Dis 2014 | Bengkel Penyediaan Kertas Jemaah Menteri | KBS |
| 8 - 9 Dis2014 | Kursus Pelaksanaan Pensijilan MS ISO IEC 27001 : 2013 | KBS |

# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUALITI

PSM masih mengekalkan pensijilan MS ISO 9001 yang diterima dari SIRIM QAS International Sdn Bhd sejak tahun 2004 seperti berikut :


SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

PERBADANAN STADIUM MERDEKA
LEVEL 1, NATIONAL STADIUM
NATIONAL SPORTS COMPLEX
BUKIT JALIL, SRI PETALING
57700 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001 : 2008
*Quality Management Systems - Requirements*

Skop Pensijilan

(PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA DAN KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA MERANGKUMI ACTIVITI PEMASARAN DAN PROMOSI, PENGURUSAN ACARA DAN PENYELENGGARAAN).

Tarikh dikeluarkan : 30 Disember 2010
Tempoh sah : 30 Disember 2010 - 26 Oktober 2013
No. Pensijilan : AR 3424

Khalidah Mustafa
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Dato' Ir. Hj. Yahaya Ahmad
Pengerusi
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.


IQNet
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

PERBADANAN STADIUM MERDEKA
LEVEL 1, NATIONAL STADIUM
NATIONAL SPORTS COMPLEX
BUKIT JALIL, SRI PETALING
57700 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following activities

MANAGEMENT OF THE NATIONAL SPORTS COMPLEX AND BUKIT KIARA SPORTS COMPLEX COVERING MARKETING AND PROMOTION, EVENT MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF FACILITIES.

Issued on : 30 December 2010
Validity date : 26 October 2013
Certification Number : MY-AR 3424

Michael Drechsel
President of IQNet

Khalidah Mustafa
Managing Director
SIRIM QAS International Sdn Bhd

| | | SKOP PENSIJILAN MS ISO |
|---|---|---|
| MS ISO 9001:2008 | 27 Oktober 2013 hingga 26 Oktober 2016 | Pengurusan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara merangkumi aktiviti pemasaran dan promosi, pengurusan acara dan penyelenggaraan. |

## AMALAN 5S

Persijilan Amalan 5S Persekitaran Berkualiti telah berjaya dikekalkan dan disambung mulai 28 November 2013 hingga 27 November 2014 untuk kali yang kedua.

### MOTO 5S

Persekitaran Kondusif Pemacu Transformasi

### MISI 5S

Amalan 5S PSM ialah kearah penyampaian yang cemerlang melalui persekitaran kerja yang kondusif

### VISI 5S

Mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan ceria untuk keselesaan warga dan pelanggan

Meningkatkan system penyampaian PSM secara optimum dan berterusan

Meningkatkan disiplin kerja cemerlang dan berterusan dikalangan warga PSM

# UNIT INTEGRITI

## PENUBUHAN UNIT INTEGRITI PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

Selaras dengan arahan penubuhan Unit Integriti di setiap Jabatan dan Kementerian melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2013, Unit Integriti Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) telah ditubuhkan dan beroperasi secara rasminya pada 01 Jun 2014.

Unit Integriti PSM berperanan sebagai *Focal Point* kepada pihak pengurusan PSM dalam usaha untuk memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan PSM serta menangani isu-isu berkaitan integriti di Jabatan. Penubuhan Unit Integriti ini juga merupakan usaha kawalan dalaman oleh PSM untuk menguruskan integriti dalamannya.

Unit ini melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.

## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

### STATISTIK

| Bil. | Tajuk Program | Tarikh/Tempat | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Integriti | 18 Februari 2014 /<br>Bilik Olimpik, Stadium Nasional, KSNBJ, Kuala Lumpur | 100 Orang |
| 2. | Ceramah Bestari – Redha Dengan Ujian | 28 Mac 2014 /<br>Bilik Olimpik, Stadium Nasional, KSNBJ, | 32 Orang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kuala Lumpur | |
| **3.** | Kursus Pemantapan Pengurusan Tatatertib | 10 – 12 Jun 2014 /<br>IYC, Kuala Lumpur | 1 Orang |
| **4.** | Kursus Program Tranformasi Minda | 11 – 15 Jun 2014 /<br>APBM, Batu Gajah, Perak | 18 orang |
PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

# SUMBANGAN KERAJAAN

Sepanjang tahun 2014, PSM mengawal dan berjimat cermat terhadap aliran wang agar ia selaras dengan Belanjawan Negara yang melaksanakan perbelanjaan berhemah. PSM sentiasa peka dalam memastikan pengurusan kewangan berjalan lancar kerana secara tidak langsung ia memberi kesan pada pengurusan *venue* yang dilaksanakan. Pengurusan *venue* yang bersistematik, efisien dan berinovatif diperlukan bagi mempertingkatkan kemajuan di dalam aktiviti sukan dan rekreasi untuk memastikan industri pengurusan *venue* ini mampu memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik.

PSM menerima sumbangan kerajaan sebanyak RM34,666,800 pada tahun 2014. Jadual menunjukkan jumlah sumbangan kerajaan yang diterima oleh PSM dari tahun 2010 hingga 2014.

| 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| 30,000,000 | 30,000,000 | 31,975,647 | 42,500,000 | 34,666,800 |

# PENDAPATAN SEWAAN

Pendapatan sewaan adalah pendapatan yang diperoleh oleh PSM melalui aktiviti sewaan stadium dan lain-lain aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan PSM sepanjang tahun seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual.

Jadual turut menunjukkan jumlah pendapatan sewaan yang diterima dari tahun 2010 hingga 2014.

| TAHUN | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Sewa Stadium** | 6,057,626 | 6,665,649 | 4,974,523.85 | 7,452,700 | 4,623,713 |
| **Sewa Gerai, Kiosk & Pusat Penjaja** | 522,950 | 730,435 | 757,205 | 645,900 | 3,841,484 |
| **Terimaan Balik Bayaran Elektrik** | 1,127,524 | 1,304,967 | 526,084 | 1,113,738 | 1,084,964 |
| **Terimaan Balik Air/Pembetungan** | 17,189 | 30,978 | 34,268 | 81,723 | 152,747 |
| **Kutipan Rekreasi** | 247,344 | 244,924 | 206,005 | 224,401 | 125,364 |
| **Sewa Kemudahan Dan Peralatan** | 47,700 | 225,976 | 754,246 | 238,147 | 99,320 |
| **Pelbagai Pendapatan** | 1,613,570 | 1,675,935 | 1,895,876 | 2,353,405 | 2,081,877 |
| **Faedah** | 765,031 | 1,124,144 | 1,940,310 | 1,781,823 | 2,065,834 |
| **JUMLAH** | **10,398,934** | **12,003,010** | **11,088,518** | **13,891,837** | **14,075,303** |

## PENDAPATAN PSM

Jumlah pendapatan PSM yang dilaporkan mengambil kira semua sumber pendapatan termasuk sumbangan kerajaan dan semua aktiviti yang dilaksanakan oleh PSM.

| SUMBER | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Peruntukan Mengurus** | 30,000,000 | 30,000,000 | 31,975,647 | 42,500,000 | 34,666,800 |
| **Peruntukan Pembangunan Yang Dilunaskan** | 2,407,727 | 8,276,778 | 10,610,160 | 15,099,249 | 6,337,253 |
| **Peruntukan Ransangan Ekonomi Ke-2 Dilunaskan** | 831,281 | 4,500 | - | 227,069 | 235,874 |
| **Perlunasan Aset Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak** | - | - | 176,724 | - | - |
| **Sewaan Stadium Dan Lain-Lain** | 8,822,486 | 12,003,010 | 11,088,518 | 13,891,837 | 14,075,303 |
| **JUMLAH** | **43,637,940** | **50,284,288** | **53,851,049** | **71,718,155** | **55,315,230** |

# PENYATA AKAUN UNTUNG RUGI PSM

Secara keseluruhannya pendapatan pada tahun 2014 menurun berbanding dari tahun 2013. Ini disebabkan peruntukan mengurus yang diterima dari kerajaan telah berkurangan **sebanyak -18.43% kepada RM34,666,800 bagi tahun 2014** berbanding peruntukan mengurus yang diterima pada **tahun 2013 iaitu sebanyak RM42,500,000.** Berdasarkan jadual berikut pendapatan PSM yang diperolehi daripada hasil sewaan stadium dan lain-lain pendapatan **pada tahun 2014 telah meningkat sebanyak 1.32% kepada RM14,075,303** berbanding **RM13,891,837 pada tahun 2013.** Jumlah Perbelanjaan pada **tahun 2014 juga telah meningkat sebanyak 7% kepada RM54,996,106** berbanding **tahun 2013 iaitu sebanyak RM51,396,757.** Pada keseluruhan, jumlah kurangan pendapatan selepas cukai pada **tahun 2014 ialah sebanyak RM-1,520,348** berbanding lebihan sebanyak **RM20,003,906 pada tahun 2013.** Perbandingan dapat dilihat dari jadual yang telah disediakan dan maklumat lengkap seperti Penyata Untung Rugi:-

| PERBANDINGAN PENYATA UNTUNG RUGI | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **TAHUN** | **2010** | **2011** | **2012** | **2013** | **2014** |
| **Sumbangan Kerajaan** | 30,000,000 | 30,000,000 | 31,975,647 | 42,500,000 | 34,666,800 |
| **Sewa Stadium** | 6,057,626 | 6,665,650 | 4,974,524 | 7,452,700 | 4,623,713 |
| **Sewa Gerai, Kiosk & Pusat Penjaja** | 522,949 | 730,435 | 757,205 | 645,900 | 3,841,484 |
| **Terimaan Balik Bayaran Elektrik** | 1,127,525 | 1,304,967 | 526,084 | 1,113,738 | 1,084,964 |
| **Terimaan Balik Air/Pembetungan** | 17,189 | 30,978 | 34,268 | 81,723 | 152,747 |
| **Kutipan Rekreasi** | 247,344 | 244,924 | 206,005 | 224,401 | 125,364 |
| **Sewa Kemudahan Dan Peralatan** | 47,700 | 225,977 | 754,246 | 238,147 | 99,320 |
| **Pelbagai Pendapatan** | 1,613,570 | 1,675,935 | 1,895,876 | 2,353,405 | 2,081,877 |
| **Faedah** | 765,031 | 1,124,144 | 1,940,310 | 1,781,823 | 2,065,834 |
| **Pelunasan Geran Pembangunan** | 3,239,007 | 8,281,278 | 10,610,160 | 15,099,249 | 6,337,253 |
| **Perlunasan Aset Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak** | | | 176,724 | 227,069 | 235,874 |
| **PENDAPATAN** | 43,637,941 | 50,284,288 | 53,851,049 | 71,718,155 | 55,315,230 |
| **Emolumen** | 3,912,799 | 3,816,999 | 4,229,463 | 4,999,111 | 5,413,416 |
| **Pembaikan Dan Penyelenggaraan Stadium** | 18,943,038 | 20,009,916 | 28,245,093 | 20,621,165 | 29,739,018 |
| **Belanja Mengurus** | 10,202,564 | 16,186,305 | 9,559,073 | 10,692,065 | 13,522,176 |
| **Belanja Pembangunan** | 3,322,583 | 8,266,455 | 10,595,337 | 15,084,416 | 6,321,496 |
| **PERBELANJAAN** | 36,380,984 | 48,279,675 | 52,628,967 | 51,396,757 | 54,996,106 |
| **LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN** | 7,256,957 | 2,007,613 | 1,222,082 | 20,321,398 | 319,124 |
| **Cukai** | (284,765) | (292,278) | (833,574) | (317,492) | (1,839,472) |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | **6,972,192** | **1,712,335** | **388,508** | **20,003** | **(1,520,348)** |

# LAPORAN PEROLEHAN

Cawangan Perolehan Perbadanan Stadium Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan proses perolehan dengan berpandukan kepada pekeliling kerajaan yang berkuatkuasa tentang perolehan kerajaan. Selain menggunapakai pekeliling kerajaan, Cawangan Perolehan juga merujuk kepada Arahan Kewangan PSM yang telah diluluskan pada Mesyuarat Lembaga Perbadanan Stadium Malaysia Bil. 3/2011 pada 6 Oktober 2011. Kaedah-kaedah perolehan yang dijalankan adalah seperti berikut:-

a) Pembelian Terus
b) Sebutharga
c) Tender
d) Kontrak Pusat / Sistem Panel Kontrak Pusat
e) Rundingan Terus (Dengan Kelulusan Kementerian Kewangan)

Sepanjang tahun 2014, Cawangan Perolehan telah mengeluarkan sebanyak **85** sebutharga yang berjumlah **RM11,975,624** dan **15** tender yang berjumlah **RM33,092,940.** Kesimpulannya, cawangan ini telahpun menguruskan perolehan pembelian barangan dan perkhidmatan dan kerja-kerja menerusi proses sebutharga dan tender yang berjumlah **RM45,068,564**

Pecahan proses pembelian dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah.

| PROSES PEMBELIAN | BILANGAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| **SEBUTHARGA** | 85 | RM 11,975,624 |
| **TENDER** | 15 | RM 33,092,940 |
| **JUMLAH KESELURUHAN PEMBELIAN BAGI TAHUN 2014** | 100 | RM 45,068,564 |

Jadual di bawah menunjukkan pecahan kategori pembelian bagi tahun 2014.

| KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN SEBUTHARGA 2014 | NILAI SEBUTHARGA 2014 | BILANGAN TENDER 2014 | NILAI TENDER 2014 |
|---|---|---|---|---|
| **BEKALAN** | 21 | 2,458,195 | 1 | 120,000 |
| **PERKHIDMATAN** | 23 | 3,003,189 | 11 | 26,305,102 |
| **KERJA-KERJA** | 41 | 6,514,239 | 3 | 6,667,838 |
| **JUMLAH** | 85 | 11,975,624 | 15 | 33,092,940 |

Jadual di bawah menunjukkan analisa perbandingan jumlah dan nilai sebutharga dan tender bagi tahun 2013 dan 2014.

| PROSES PEMBELIAN | BILANGAN 2014 | JUMLAH 2014 (RM) | BILANGAN 2013 | JUMLAH 2013 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **SEBUTHARGA** | 85 | 11,975,624 | 43 | 7,184,568 |
| **TENDER** | 15 | 33,092,940 | 4 | 5,783,719 |
| **SEBUTHARGA DAN TENDER** | 100 | 45,068,564 | 47 | 12,968,288 |

Daripada analisa seperti di atas, jumlah peningkatan bilangan sebutharga bagi tahun 2014 dan 2013 adalah sebanyak 42 sebutharga dan jumlah nilai perbezaan sebutharga telah meningkat sebanyak **RM4,791,055 atau 66.68%.** Peningkatan bilangan serta nilai sebutharga ini disebabkan oleh sebutharga menaiktaraf dan pembaikan telah banyak dibuat pada tahun 2014 dan pada tahun 2013 hanya terdapat pembekalan dan kerja-kerja pembaikan yang benar-benar diperlukan sahaja dibuat.

Bilangan tender yang dikeluarkan oleh Cawangan Perolehan bagi tahun 2014 telah meningkat kepada 15 tender berbanding 4 tender yang telah dikeluarkan pada 2013. Nilai tender bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 telah mengalami peningkatan sebanyak **RM27,309,221 atau 472.17%**. Tender – tender yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2014 tertumpu kepada tender penyelenggaraan tetap, kerja-kerja menaiktaraf dan penyambungan kontrak perkhidmatan.

Perbandingan bilangan dan jumlah keseluruhan bagi sebutharga dan tender bagi tahun 2014 dan tahun 2013 dapat ditunjukkan di dalam gambarajah seperti di bawah:-

| TAHUN | BILANGAN SEBUT HARGA | NILAI SEBUT HARGA | BILANGAN TENDER | NILAI TENDER |
|---|---|---|---|---|
| **2010** | 86 | 7,826,817 | 13 | 18,941,179 |
| **2011** | 111 | 12,607,144 | 2 | 8,089,804 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **2012** | 60 | 8,966,980 | 10 | 19,093,784 |
| **2013** | 43 | 7,184,568 | 4 | 5,783,719 |
| **2014** | 85 | 11,975,624 | 15 | 33,092,940 |

## LAPORAN KAWALAN KREDIT

PSM sentiasa proaktif untuk terus memantau aliran hutang-hutang lama dan baru PSM serta mengawal selia kes-kes mahkamah sehingga selesai dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya demi mengelakkan berlakunya hutang-hutang lapuk yang akan memberi kesan pada pendapatan PSM.

Sepanjang tahun 2014, Cawangan Kawalan Kredit telah berjaya mendapatkan kutipan hasil tertunggak dan hasil semasa sebanyak 4,007,825 Hasil tertunggak merupakan kutipan tunggakan bagi hutang tahun 2013 dan sebelumnya yang telah berjaya dikutip pada tahun 2014. Manakala hasil semasa membawa maksud hutang tahun semasa iaitu tahun 2014 yang telah dapat dikutip sepanjang tahun 2013. Jadual menunjukkan pengurangan pada jumlah kutipan hasil semasa dan tertunggak untuk tahun 2014 jika dibandingkan dengan kutipan hasil semasa dan tertunggak bagi tahun 2013

KLASIFIKASI KUTIPAN HASIL PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014

| TAHUN | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **HASIL SEMASA** | 2,197,578 | 2,748,707 | 2,456,485 | 4,017,029 | 3,426,571 |
| **HASIL TERTUNGGAK** | 1,322,493 | 2,139,197 | 1,782,633 | 2,196,718 | 581,253 |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | 3,520,071 | 4,887,904 | 4,239,119 | 6,213,747 | 4,007,825 |

Berdasarkan jadual diatas, terdapat pertambahan pada kutipan hasil semasa dan tertunggak untuk tahun 2014 jika dibandingkan dengan kutipan hasil semasa dan tertunggak bagi tahun 2013. Ini disebabkan kebanyakan tunggakan hasil bagi tahun semasa iaitu bagi tahun 2014 dapat diselesaikan dengan cepat dan pertambahan pada hasil sewaan Perbadanan serta pertambahan pada kutipan hasil tertunggak dimana kebanyakan penghutang lama mula menjelaskan tunggakan masing-masing setelah tindakan undang-undang diambil.



# AKTIVITI SEPANJANG

# TAHUN 2014

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA












**BADMINTON MALAYSIA OPEN (STADIUM PUTRA)**







**ANUGERAH MELETOP ERA 2014 (STADIUM PUTRA)**







**BON ODORI**
**(KSN SHAH ALAM PANASONIC)**








**CHEER 2014**
**(STADIUM PUTRA)**








**AFF SUZUKI 2014 AKHIR**
**(STADIUM NASIONAL)**








**JUNIOR GYMNASTIC**
**CHAMPIONSHIP**
**2014**
**(STADIUM PUTRA)**








HARITH ISKANDER
LAUGH MALAYSIA
(STADIUM PUTRA)







KONSERT CHI LAM
(STADIUM PUTRA)







**KONSERT HEBE**
**(STADIUM PUTRA)**





**KONSERT SODA GREEN**
**(STADIUM PUTRA)**











**LAN BERAMBEH**
**(PADANG LETAK KERETA)**





**LAWATAN TUN ABDULLAH**
**KE KSNKP**
**(KSN KAMPUNG PANDAN)**










**MESYUARAT JTPPK
(KSN SHAH ALAM PANASONIC)**







**INTERNATIONAL
MOTOBIKE FESTIVAL
MALAYSIA
(PADANG LETAK KERETA)**










**ONE FIGHTING CHAMPIONSHIP
(STADIUM PUTRA)**







**PERASMIAN KSN
KAMPUNG PANDAN OLEH
TUN JEANNE
(KSN KG PANDAN)**










**PROGRAM BAKTI 2014**
**(STADIUM PUTRA)**







**INTERNATIONAL MOTOBIKE FESTIVAL MALAYSIA**
**(PADANG LETAK KERETA)**









**CIMB RISING STARS NATIONAL JUNIOR SQUASH CIRCUIT 2015 (PUSAT SKUASY NASIONAL)**







**KONSERT TAYLOR SWIFT (STADIUM PUTRA)**







**ATP TENNIS OPEN 2014**
**(STADIUM PUTRA)**







**WWE LIVE IN KL**
**(STADIUM PUTRA)**


FINISH



# PENYATA KEWANGAN

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Stadium Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**(NORLIZA BINTI NORDIN)**
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 JULAI 2015

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

"Kami, **DATO' ROZABIL BIN ABDUL RAHMAN** dan **ENCIK LOKMAN HAKIM BIN ALI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Stadium Malaysia pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut".

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : DATO' ROZABIL BIN ABDUL RAHMAN

GELARAN : Pengerusi
Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh : 09 JUL 2015

Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : ENCIK LOKMAN HAKIM BIN ALI

GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah
Perbadanan Stadium Malaysia

Tarikh : 7/7/2015

Kuala Lumpur

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
## YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
## PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

"Saya, **AZMAN FAHMI BIN OSMAN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PERBADANAN STADIUM MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960".

Sebenarnya dengan sesungguhnya

diakui oleh penama di atas )

di PUTRAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN )

Pada 07 JUL 2015 )

**AZMAN FAHMI BIN OSMAN**

(741017-04-5183)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA PUTRAJAYA

PESURUHJAYA SUMPAH

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|---|
| **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN** | 5 | 3,887,706 | 3,197,076 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Penghutang Perniagaan | 6 | 2,322,736 | 732,266 |
| Pinjaman Kakitangan | 7 | 180,020 | 215,799 |
| Pendapatan Terakru | | 11,783 | 429 |
| Deposit | | 49,716 | 26,776 |
| Prabayar | | 160,059 | 160,059 |
| Simpanan Tetap & Simpanan Jangka Pendek | | 69,346,470 | 44,383,574 |
| Wang Di Tangan Dan Di Bank | | 18,379,375 | 36,319,036 |
| | | **90,450,159** | **81,837,939** |
| **TANGGUNGAN SEMASA** | | | |
| Pelbagai Pemiutang | 8 | 1,551,873 | 134,071 |
| Bayaran Audit | | 12,384 | 12,054 |
| Deposit Jaminan | | 836,204 | 432,352 |
| Pendapatan Terdahulu | | 1,961,258 | 1,362,972 |
| Peruntukan Cukai | | 763,075 | 1,130,369 |
| Perbelanjaan Terakru | | 5,054,865 | 201,355 |
| | | **10,179,659** | **3,273,173** |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 80,270,500 | 78,564,766 |
| | | **84,158,206** | **81,761,842** |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| KUMPULAN WANG TERKUMPUL | 9 | 51,958,641 | 53,627,209 |
| KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | 10 | 29,890,236 | 25,662,667 |
| KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN-PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI | 11 | 1,082,267 | 1,082,267 |
| KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN-ASET SAGA FASA V | 12 | 88,936 | 103,759 |
| KUMPULAN WANG REZAB MODAL | 13 | 1,138,126 | 1,285,940 |
| | | **84,158,206** | **81,761,842** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 16 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | 14 | 55,315,230 | 71,718,155 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Bekalan Air, Elektrik Dan Pembentungan | | 9,190,914 | 7,126,572 |
| Emolumen | | 5,413,416 | 4,999,111 |
| Kemudahan Perhubungan | | 220,424 | 100,009 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | 6,321,496 | 15,084,416 |
| Membaiki Dan Mengubahsuai Stadium | | 7,711,055 | 757,480 |
| Pembaikan Dan Penyelenggaraan Stadium | | 22,027,963 | 19,863,685 |
| Program *In-House* | | | - |
| Perbelanjaan Pentadbiran | | 2,580,644 | 2,354,830 |
| Bayaran Audit | | 12,384 | 12,384 |
| Susut Nilai | | 850,136 | 677,878 |
| Hapus Kira Hutang Lapuk | | 524,508 | 353,866 |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 125,511 | 62,050 |
| Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan | | 17,655 | 4,476 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **54,996,106** | **51,396,757** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | 319,124 | **20,321,398** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | 319,124 | 20,321,398 |
| **CUKAI** | 15 | (1,839,472) | (317,492) |
| **KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | | **(1,520,348)** | **20,003,906** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 16 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

| | | KUMPULAN WANG TERKUMPUL | KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (ASET SAGA FASA V) | KUMPULAN WANG PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI | KUMPULAN WANG REZAB MODAL | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| 2014 | | | | | | | |
| **Baki pada 1 Januari** | | 53,627,209 | 25,662,667 | 103,759 | 1,082,267 | 1,285,940 | **81,761,842** |
| Pelarasan tahun lalu | 16 | (148,220) | | - | - | | **(148,220)** |
| **Baki pada 1 Januari** | | 53,478,989 | 25,662,667 | 103,759 | 1,082,267 | 1,285,940 | **81,613,622** |
| **Tambahan Pada Tahun Semasa** | | | 10,550,000 | | | 88,060 | **10,638,060** |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan | | (1,520,348) | - | - | - | - | **(1,520,348)** |
| Geran Modal Tertunda | | - | (6,322,431) | (14,823) | - | (235,874) | **(6,573,128)** |
| **Baki pada 31 Disember** | | **51,958,641** | **29,890,236** | **88,936** | **1,082,267** | **1,138,126** | **84,158,207** |
| 2013 | | | | | | | |
| | | | | | | | - |
| **Baki pada 1 Januari** | | 33,585,114 | 26,747,093 | 118,582 | 1,082,267 | 1,092,314 | **62,625,370** |
| Pelarasan tahun lalu | | 38,189 | | - | - | | **38,189** |
| **Baki pada 1 Januari** | | 33,623,303 | 26,747,093 | 118,582 | 1,082,267 | 1,513,009 | **63,084,254** |
| **Tambahan Pada Tahun Semasa** | | | 14,000,000 | | | 420,695 | **14,420,695** |
| Lebihan / (Kurangan) Pendapatan | | 20,003,906 | - | - | - | - | **20,003,906** |
| Geran Modal Tertunda | | - | (15,084,426) | (14,823) | - | (227,069) | **(15,326,318)** |
| **Baki pada 31 Disember** | | 53,627,209 | **25,662,667** | **103,759** | **1,082,267** | **1,285,940** | **81,761,842** |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 16 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

PENYATA ALIRAN WANG TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | 2014 | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan | | 319,124 | 20,321,398 |
| Cukai Berbayar | | (2,206,767) | (358,699) |
| Pelarasan-pelarasan yang tidak melibatkan pergerakan tunai: | | | |
| Pendapatan Daripada Faedah | | 2,065,834 | 1,781,823 |
| Pelarasan Tahun Lalu | | (148,220) | 38,189 |
| Pelupusan Hartanah, Logi dan Peralatan | | - | - |
| Susutnilai | | 850,136 | 677,878 |
| Hapuskira Hutang Lapuk | | 524,508 | 353,866 |
| Cukai | | - | - |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 125,511 | 62,050 |
| **Lebihan pendapatan dari aktiviti operasi** | | 1,530,125 | 22,876,505 |
| **Penambahan /(kurangan) modal kerja** | | | |
| Penghutang Perniagaan Dan Pelbagai | | (2,239,004) | 261,993 |
| Pelbagai Pemiutang | | 7,273,781 | (2,842,527) |
| **Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi** | | **6,564,902** | **20,295,971** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Hasil Jualan Hartanah, Logi dan Peralatan | | 18,756 | 4,586 |
| Pembelian Hartanah, Logi dan Peralatan | | (1,559,522) | (1,113,707) |
| Pelarasan Harta Tetap | | | |
| Pendapatan Daripada Faedah | | (2,065,834) | (1,781,823) |
| Pelaburan Dalam Anak Syarikat | | - | 30,000 |
| Pelaburan Dalam Simpanan Tetap | | 5,715,862 | (19,779,440) |
| **Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dari aktiviti pelaburan** | | 2,109,262 | (22,640,384) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Geran Pembangunan Diterima | | 10,550,000 | 14,000,000 |
| Rezab Modal Diterima | | 88,060 | 420,695 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan Pada Tahun Semasa | | (6,337,254) | (15,099,249) |
| Rezab Modal Dilunaskan Pada Tahun Semasa | | (235,874) | (227,069) |
| **Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti pembiayaan** | | 4,064,932 | (905,623) |
| **TAMBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | | 12,739,096 | (3,250,036) |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN** | | 60,923,170 | 64,173,206 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 17 | 73,662,267 | 60,923,170 |

Nota-nota akaun yang berkenaan pada muka surat 5 hingga 16 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

## 1. PENUBUHAN DAN AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 (Akta 717) sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011. PSM telah diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus Kompleks Sukan Negara yang terdiri daripada tujuh (7) buah venue dan tiga (3) buah kawasan rekreasi serta Kompleks Sukan Negara Panasonic dan Kompleks Sukan Negara Jalan Duta dan Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching di Sarawak. Pada tahun 2013, PSM telah diamanahkan oleh Kementerian Belia Dan Sukan untuk menguruskan Pusat Simulasi Menembak di Bukit Kiara.

Aktiviti utama PSM adalah sebagai pengurus dan pentadbir Kompleks Sukan Negara di bawah jagaannya. Perbadanan boleh atas apa-apa terma yang disifatkannya patut:-

a) Membuat kontrak;
b) Memperoleh, membeli mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
c) Memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, memajakkan, menyerahhak semula, memindahkan atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan mana-mana harta alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada PSM.

Selain daripada aktiviti di atas PSM juga menjalankan aktiviti bercorak komersial yang dilaksanakan oleh entiti perniagaan iaitu penyewaan venue bagi penganjuran acara sukan dan bukan sukan.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PSM melalui resolusi pada 30 April 2015.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### (a) Asas Perakaunan

Akaun-akaun Perbadanan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah dan mengikut piawaian *Private Entity Reporting Standard.*

### (b) Pengiktirafan Pendapatan

i. Pengiktirafan Pendapatan

Semua pendapatan daripada Kerajaan diiktiraf berasaskan asas tunai dan diakaunkan terus ke Penyata Pendapatan kecuali pemberian daripada Kerajaan bagi maksud pembangunan.

Pemberian daripada Kerajaan bagi maksud pembangunan yang berbentuk modal diakaunkan sebagai Geran Modal Tertunda dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai harta yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan sepertimana kehendak MASB 31.

ii. Pendapatan Sewaan

Pendapatan dari sewaan adalah berasaskan akruan mengikut perjanjian sewa.

iii. Pendapatan Faedah Dan Dividen

Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf berasaskan akruan.

iv. Keuntungan Dari Pinjaman Kenderaan Dan Komputer

Hasil keuntungan dari pinjaman kenderaan dan komputer dikira berasaskan baki pokok pinjaman setiap bulan.

v. Pendapatan Lain

a. Penjualan/penyewaan barang dan perkhidmatan lain diiktiraf apabila barang dan perkhidmatan telah dihantar/diberikan kepada pelanggan.

**(c) Susut nilai**

i. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penurunan nilai harta.

ii. Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna hartanah, loji dan peralatan. Susut nilai dikira secara tahunan bagi tahun perolehan atau pembelian.

iii. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kenderaan | 20% |
| Peralatan Olahraga | 15% |
| Perabot, Kelengkapan dan Perkakasan | 15% |
| Perkakasan Dan Mesin | 20% |
| Peralatan Pejabat | 10% |

**(d) Penghutang Perniagaan**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan mengikut sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut. Hutang lapuk dihapuskan dalam tahun ia dikenal pasti dan mendapat kelulusan.

(e) Cukai Pendapatan

PSM diberi pengecualian cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian adalah berkenaan dengan pendapatan berkanun PSM yang diperoleh dari punca pendapatan seperti berikut:

(i) Bantuan dan subsidi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
(ii) Fi yang diterima berkenaan dengan suatu amaun boleh cukai dan boleh kutip daripada mana-mana orang mengikut peruntukan Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963(Akta 433); dan
(iii) Derma sumbangan yang diterima.

## 3. PERTUKARAN POLISI PERAKAUNAN

PSM telah mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi penyediaan akaun aset tetap PSM mulai perakaunan tahun berakhir 31 Disember 2008. Aset alih yang berharga perolehan RM1000 ke bawah dianggap sebagai inventori.

## 4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan PSM bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan PSM adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada PSM bagi meminimumkan atau mengelak kerugian daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Pengurusan PSM bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa,

sistem kawalan dalam, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

- **Risiko Tukaran Wang Asing**

  Walaupun PSM beroperasi hanya di Malaysia akan tetapi PSM terdedah kepada risiko tukaran wang asing ini kerana PSM menerima tempahan penggunaan venue dari seluruh dunia.

- **Risiko Kadar Faedah**

  PSM tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

- **Risiko Kredit**

  Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi aku janji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan PSM. PSM terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang.

  Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

- **Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai**

  PSM tidak memiliki profil hutang tetapi memiliki wang tunai dan aset yang boleh ditukarkan kepada wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

5 **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

| 2014 | KOS | | | | SUSUT NILAI | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada Awal Tahun | Pindahan/ Tambahan | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan | Pada Akhir tahun | Pada Awal Tahun | Caj Tahun Berkenaan | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan | Pada Akhir tahun | Nilai Buku Bersih |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kenderaan | 938,918 | 153,721 | (171,409) | 921,230 | 722,243 | 112,172 | (171,408) | 663,007 | 258,223 |
| Perkakasan Dan Mesin | 341,363 | 618,487 | - | 959,850 | 282,577 | 141,347 | - | 423,924 | 535,926 |
| Peralatan Pejabat | 3,317,223 | 727,724 | (26,793) | 4,018,154 | 1,496,566 | 347,858 | (8,038) | 1,836,386 | 2,181,768 |
| Peralatan Sukan Dan Olahraga | 2,347,761 | 59,590 | - | 2,407,351 | 1,247,098 | 248,759 | - | 1,495,857 | 911,494 |
| Perabot Kelengkapan Dan Perkakasan | 320,159 | - | - | 320,159 | 319,864 | - | - | 319,864 | 295 |
| | 7,265,424 | 1,559,522 | (198,202) | 8,626,744 | 4,068,348 | 850,136 | (179,446) | 4,739,038 | 3,887,706 |

| 2013 | KOS | | | | SUSUT NILAI | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada Awal Tahun | Pindahan/ Tambahan | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan | Pada Akhir tahun | Pada Awal Tahun | Caj Tahun Berkenaan | Penjualan/ Pelupusan/ Pelarasan | Pada Akhir tahun | Nilai Buku Bersih |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kenderaan | 904,082 | 221,290 | (186,454) | 938,918 | 811,281 | 97,414 | (186,452) | 722,243 | 216,675 |
| Perkakasan Dan Mesin | 297,485 | 49,750 | (5,872) | 341,363 | 266,499 | 21,949 | (5,871) | 282,577 | 58,786 |
| Peralatan Pejabat | 2,871,198 | 520,419 | (74,394) | 3,317,223 | 1,265,857 | 301,492 | (70,783) | 1,496,566 | 1,820,657 |
| Peralatan Sukan Dan Olahraga | 2,039,993 | 322,248 | (14,480) | 2,347,761 | 1,009,132 | 251,488 | (13,522) | 1,247,098 | 1,100,663 |
| Perabot Kelengkapan Dan Perkakasan | 350,269 | - | (30,110) | 320,159 | 344,426 | 5,535 | (30,097) | 319,864 | 295 |
| | 6,463,027 | 1,113,707 | (311,310) | 7,265,424 | 3,697,195 | 677,878 | (306,725) | 4,068,348 | 3,197,076 |

## 6 PENGHUTANG PERNIAGAAN

| | | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 31 Disember | | 3,633,386 | 3,484,444 |
| Tolak: | Peruntukan Hutang Ragu | (1,310,650) | (2,752,178) |
| | | **2,322,736** | **732,266** |

## 7 PINJAMAN KAKITANGAN

| | | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari | | 215,799 | 203,054 |
| Tambah: | Pinjaman Komputer | 24,900 | 34,200 |
| | Pinjaman Kenderaan | - | 48,000 |
| | Pinjaman Kepada Kelab Sukan | - | - |
| | Pelarasan Tahun Lalu | - | - |
| | | 240,699 | 285,254 |
| Tolak: | Kutipan Balik Pinjaman Dalam Tahun | | 60,679 |
| **Baki Pada 31 Disember** | | **180,020** | **215,799** |

## 8 PELBAGAI PEMIUTANG

| | | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| Jumlah pelbagai pemiutang sehingga 31 Disember | | | |
| i. | Kontrak Penyelenggaraan Tetap Stadium | | 532,612 |
| ii. | Utiliti | 75,442 | 2,198 |
| iii. | Wang Tak Dituntut | 4,947 | 42,250 |
| iv. | Lain-Lain | 938,872 | 69,923 |
| | | **1,551,873** | **134,071** |

## 9 KUMPULAN WANG TERKUMPUL

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 53,627,209 | 33,585,114 |
| Pelarasan Tahun Lalu | (148,220) | 38,189 |
| | 53,478,989 | 33,623,303 |
| Lebihan Pendapatan Selepas Cukai | (1,520,348) | 20,003,906 |
| | **51,958,641** | **53,627,209** |

## 10 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

**Polisi Perakaunan**

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai

### 10.1 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN - RANCANGAN MALAYSIA KE-9

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | 11,856,157 | 25,267,093 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | - | - |
| | **11,856,157** | **25,267,093** |
| Tolak: | | |
| Geran Pembangunan Dilunaskan | | |
| i. Pemasangan Lampu Highmast | - | 10 |
| ii. Membekal dan Memasang Lima Unit Lift Di Stadium Putra Dan Pusat Akuatik | | 122,293 |
| iii. Menaiktaraf Turf Stadium Hoki 1 dan 2 | | 294,874 |
| iv. Penggantian Trek Stadium Nasional | | - |
| v. Penggantian Mambrane Stadium Nasional | | - |
| Menaiktaraf Dinding dan Lantai Pusat Skuasy Nasional | | 87,538 |
| vii. Menaiktaraf, Membaikpulih dan Menyelenggara serta Kerja-Kerja berkaitan Padang di Stadium Nasional | | 1,989,368 |
| viii. KSNBJ | | |
| Pembayaran Juruperunding Projek Pusat Penjaja KSNBJ | | 486,306 |
| ix. Penambahan Ruang Kerja Kakitangan | | 474,793 |
| x Pembayaran Juruperunding bagi Projek Mengganti Turf Hoki di KSNJD | | 57,996 |
| xi. Kerja Tambahan Projek Mengganti Turf Hoki di KSNJD | | 159,923 |
| Kerja-Kerja Membekal Lampu (Tender Penyelenggaraan M&E) | | 103,825 |
| | 3,776,916 | 13,410,936 |
| **Baki pada 31 Disember** | **8,079,241** | **11,856,157** |

## 10 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (sambungan)

### 10.2 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN - RANCANGAN MALAYSIA KE-10

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | 13,806,510 | 1,480,000 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 10,550,000 | 14,000,000 |
| | **24,356,510** | **15,480,000** |
| Tolak: | | |
| Geran Pembangunan Dilunaskan | | |
| i. Penukaran Bumbung St Putra | 502,050 | 973,490 |
| ii. Penukaran Bumbung Membrane Pusat Akuatik Nasional dan laluan Pejalan Kaki, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil | | 350,000 |
| iii. Mengganti Turf di Kompleks Sukan Negara Jalan Duta | | 1,693,465 |
| iv. Menaiktaraf Cerun IKBN Pertak dan Pagoh | | |
| **Baki pada 31 Disember** | **21,810,995** | **13,806,510** |
| **JUMLAH** | **29,890,236** | **25,662,667** |

11 **KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN – PROJEK RANGSANGAN EKONOMI**

**Polisi Perakaunan**

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai
harta yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan seperti kehendak MASB 31.

| | 2014 | 2013 |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| **Baki pada 1 Januari** | 1,082,267 | 1,082,267 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | – | – |
| | **1,082,267** | **1,082,267** |
| Tolak: | | |
| Geran Pembangunan Dilunaskan | – | – |
| **Baki pada 31 Disember** | **1,082,267** | **1,082,267** |

**KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN – ASET SAGA**
12 **FASA V**

**Polisi Perakaunan**

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai
harta yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan seperti kehendak MASB 31.

| | 2014 | 2013 |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| **Baki pada 1 Januari** | 103,759 | 118,582 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | – | – |
| | **103,759** | **118,582** |
| Tolak: | | |
| Geran Pembangunan Dilunaskan (Susutnilai) | 14,823 | 14,823 |
| **Baki pada 31 Disember** | **88,936** | **103,759** |

## 13 KUMPULAN WANG REZAB MODAL - ASET PUSAT KECEMERLANGAN AKUATIK SARAWAK

**Polisi Perakaunan**

Geran Pembangunan diikhtiraf sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai harta yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dimodalkan seperti kehendak MASB 31.

PSM telah menerima aset tetap di Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak dari Kementerian Belia dan Sukan pada Mac 2012. Aset ini direkodkan sebagai Rezab Modal dan akan dilunaskan.

PSM telah menerima aset tetap di Pusat Simulasi Menembak, Bukit Kiara dari Kementerian Belia dan Sukan pada November 2013. Aset ini direkodkan sebagai Rezab Modal dan akan dilunaskan.

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari** | 1,285,940 | 1,092,314 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 88,060 | 420,695 |
| | **1,374,000** | **1,513,009** |
| Tolak: | | |
| Rezab Modal Dilunaskan (Susut nilai) | 235,874 | 227,069 |
| **Baki pada 31 Disember** | **1,138,126** | **1,285,940** |

## 14 PENDAPATAN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|
| Sewa Stadium Dan Pelbagai | 4,623,713 | 7,452,700 |
| Sewa Gerai, Kiosk & Pusat Penjaja | 3,841,484 | 645,900 |
| Terimaan Balik Bayaran Elektrik | 1,084,964 | 1,113,738 |
| Terimaan Balik Air/Pembentungan | 152,747 | 81,723 |
| Kutipan Rekreasi | 125,364 | 224,401 |
| Sewa Kemudahan Dan Peralatan | 99,320 | 238,147 |
| Pelbagai Pendapatan | 2,081,877 | 2,353,405 |
| Geran Mengurus | 34,666,800 | 42,500,000 |
| Geran Pembangunan Dilunaskan -Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 | | 6,337,253 |
| Rezab Modal Dilunaskan | 235,874 | 227,069 |
| Terimaan Faedah | 2,065,834 | 1,781,823 |
| | 55,315,230 | 71,718,155 |

## 15 CUKAI PENDAPATAN

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan Cukai Tahun Semasa | 95,979 | 463,274 |
| Terlebih/(Terkurang) Peruntuk Tahun Lepas | 1,743,493 | (145,782) |
| Jumlah Cukai | **1,839,472** | **317,492** |

## 16 PELARASAN TAHUN LALU

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Pelarasan dibuat ke atas | | |
| i. Pelarasan Pendapatan Tahun Lalu | (158,220) | (100,581) |
| ii. Pelarasan Perbelanjaan Tahun Lalu | 10,000 | 138,770 |
| | **(148,220)** | **38,189** |

## 17 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN

| | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|
| Simpanan Tetap | 55,282,892 | 24,604,134 |
| Wang Di Tangan Dan di Bank | 18,379,375 | 36,319,036 |
| | **73,662,267** | **60,923,170** |

## 18 ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula di mana perlu disesuaikan persembahan tahun semasa.

# ALAMAT DIREKTORI

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT JALIL

KSNBJ
ARAS 1, STADIUM NASIONAL,
KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT JALIL,
57700 SRI PETALING,
KUALA LUMPUR
TEL: 03-8992 0888
FAKS: 03-8994 4663

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT KIARA

KSNBK
KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT KIARA,
JALAN 1/70D,
60000 BUKIT KIARA,
KUALA LUMPUR
TEL: 03-2095 4209
FAKS: 03-2092 3718

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA SHAH ALAM (PANASONIC)

KSNSA
LOT 4, PERSIARAN PERKILANGAN,
SEKSYEN 21,
40200 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL: 03-5541 8933
FAKS: 03-5541 8930

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA JALAN DUTA SKUASY & TENIS

KSNJD
KOMPLEKS SUKAN NEGARA JALAN DUTA,
PUSAT SKUASY & KOMPLEKS TENIS JALAN DUTA,
50480 JALAN DUTA
KUALA LUMPUR
TEL: 03-6201 0560
03-6211 4829
FAKS: 03-6201 3026

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA KUCHING SARAWAK

KSNS
KOMPLEKS JABATAN BELIA DAN SUKAN SARAWAK,
JALAN TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE,
92350 KUCHING,
SARAWAK
TEL: 082-424660
FAKS: 082-424660

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA JALAN DUTA STADIUM HOKI

KSNJD
KOMPLEKS SUKAN NEGARA JALAN DUTA,
STADIUM HOKI TUN RAZAK,
50480 JALAN DUTA
KUALA LUMPUR
TEL: 03-6201 2184
FAKS: 03-6201 2184

## KOMPLEKS SUKAN NEGARA KG. PANDAN (PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK MALAYSIA)

KSNKP
JALAN PERWIRA,,
51200 KAMPUNG PANDAN,
KUALA LUMPUR
TEL: 03-9201 5178
03-9201 3579
FAKS: 03-9201 6706

# PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

ARAS 1, STADIUM NASIONAL, KOMPLEKS SUKAN NEGARA BUKIT JALIL,
57700 SRI PETALING, KUALA LUMPUR
TEL: 03-8992 0888 | FAKS : 03-8994 4663 | EMEL : ADMIN@STADIUM.GOV.MY

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

@STADIUMBKTJALIL